



KENYATAAN AKHBAR

Embargo sehingga Isnin 26 November, 12.15 tengah hari

PNB TERBIT BIOGRAFI KORPORAT

*Kajian komprehensif pertama mengenai institusi
berteraskan Integriti dan Amanah*

KUALA LUMPUR:- Permodalan Nasional Berhad (PNB), syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia, telah menerbitkan biografi korporat lengkap pertamanya bertajuk '*In Trust: A History of PNB*'. Buku ini mendokumentasikan sejarah penubuhan PNB sebagai alat penting Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan demi menangani ketidakseimbangan sosial pada tahun 1970an di Malaysia dan evolusinya selama empat dekad sehingga dikenali sebagai syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia. Buku ini juga menghuraikan kejayaan PNB yang telah dicapai berlandaskan nilai Integriti dan Amanah yang telah lama diperjuangkan oleh para pemimpinnya dan diterapkan dalam keseluruhan operasi PNB.

Padat dengan coretan dan kisah pengalaman pelbagai pihak di PNB dan juga mereka yang bekerjasama dengan institusi itu, buku tersebut menampilkan kajian mendalam mengenai PNB yang boleh memberi manfaat dan maklumat berguna kepada warga korporat, ahli-ahli akademik dan juga orang ramai. Pelancaran buku tersebut mengiringi ulang tahun ke-40 PNB, yang kini mempunyai aset di bawah pengurusan melebihi RM290 bilion, yang merangkumi pelaburan 13.6 juta pemegang unitnya dan juga pelaburan strategik institusi tersebut dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz telah melancarkan buku tersebut di sebuah majlis di Kuala Lumpur bersama Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, yang merupakan Pengerusi PNB dari tahun 1996 hingga 2016. Dalam ucapan beliau, Tan Sri Dr. Zeti Aziz memuji buku tersebut dengan mengatakan, "Biografi yang padat dengan maklumat ini akan membolehkan para pembaca untuk memahami bagaimana sifat Amanah dan Kepercayaan membentuk kekuatan PNB – kepercayaan daripada Kerajaan, kepercayaan daripada pemegang unit dan peringatan kepada semua di PNB bahawa kita harus berpegang kepada amanah ini pada setiap masa. Pihak pengurusan dan kakitangan PNB telah sekian lama berpaksikan prinsip integriti, tadbir urus yang baik dan amanah sejak PNB ditubuhkan pada tahun 1978."

“Paparan individu terkemuka yang telah memainkan peranan utama dalam PNB disampaikan secara teliti dalam buku ini. Dengan pelbagai anekdot yang dikongsikan, ia memberi nafas menarik kepada buku ini, terutamanya dalam naratif yang berkaitan dengan Allahyarham Tun Ismail Mohamed Ali,” katanya. Buku tersebut juga mengetengahkan peranan Tun Ahmad Sarji yang merupakan Pengerusi PNB ketika nilai-nilai Integriti dan Amanah diperkuuhkan.

Sementara itu, penulis buku Nicholas J. White menyatakan penghargaan beliau kepada pihak-pihak berkenaan yang membantu dalam penulisan '*In Trust: A History of PNB*'. “Penulisan buku ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan yang saya terima daripada begitu banyak pihak, termasuk bekas Pengerusi PNB dan pasukan penyelidikan di PNB Research Institute, yang menyediakan maklumat penting dan relevan tentang PNB yang boleh dianggap sebagai sebuah institusi ‘hibrid’ ini. Warisan PNB amat menarik kerana ia menunjukkan bahawa institusi yang mempunyai keupayaan yang hebat dalam sektor korporat dapat memacu kemajuan yang signifikan kepada masyarakat Malaysia,” katanya.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Doktor Falsafah dari Royal Holloway, University of London, penulis buku merupakan seorang Profesor Sejarah Imperial dan Komanwel di Liverpool John Moores University dan juga Pengarah Bersama Pusat Sejarah Pelabuhan dan Maritim Liverpool. Buku-buku lain yang ditulis oleh beliau termasuk '*Business, Government, and the End of Empire: Malaya*' dan '*Decolonisation: the British Experience since 1945*'.

Dengan harga RM150 untuk edisi kulit keras dan RM120 untuk edisi kulit kertas, '*In Trust: A History of PNB*' boleh didapati di kedai-kedai buku utama seluruh negara dan dalam talian, melalui *MPH Online*, mulai 10 Disember 2018.

Sebelum pelancaran buku rasmi tersebut, sebuah Kuliah Memorial Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali (YTI) yang bertajuk “Mendefinisikan Semula Integriti Kewangan” telah dibentangkan oleh Datuk Dr. Mohd Daud Bakar, Penyandang Kerusi Profesor YTI dalam Perbankan Kewangan Islam di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan juga merupakan Pengerusi, Lembaga Penasihat Syariah PNB.

Datuk Dr. Mohd Daud telah mengemukakan perspektif dan pandangan yang menarik mengenai perkara-perkara yang membentuk integriti kewangan dan bagaimana prinsip tersebut boleh diserapkan ke dalam semua urusan kewangan yang melibatkan semua penyedia perkhidmatan, termasuk pengawal selia, eksekutif pengurusan dan lembaga pengarah. Menerusi kepakaran beliau dalam Kewangan Islam, sebahagian daripada kuliah beliau turut menghuraikan bagaimana tadbir urus Syariah berkait rapat dengan integriti kewangan.

– TAMAT –

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini berjumlah lebih RM290 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik dalam syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan harta tanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad